

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(IV)22**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG  
YB. ONG AH TEONG**

22. Nyatakan status *Urban Transformation Centre* (UTC) di Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR).
- (a) Nyatakan perkhidmatan kerajaan yang boleh diperolehi dari pusat berkenaan?
  - (b) Adakah ia beroperasi pada hari Sabtu dan Ahad?

**JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI**

22. (a) *Urban Transformation Center* (UTC) adalah pusat sehenti yang menawarkan pelbagai perkhidmatan di bawah satu bumbung. UTC menempatkan pelbagai Agensi Kerajaan Persekutuan, Badan Berkanun dan juga Syarikat berkaitan Kerajaan di bawah satu bumbung bagi memudahkan rakyat mendapatkan perkhidmatan. Ia bertujuan meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan kepada rakyat dengan mengoptimumkan penggunaan sumber sedia ada.

Mengikut perancangan asal sebelum Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkuatkuasa, UTC Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR) dijangka siap sepenuhnya pada hujung bulan Mei 2020 dan dijangka beroperasi pada 1 Jun 2020. Di antara perkhidmatan Kerajaan yang boleh diperolehi dari pusat berkenaan adalah perkhidmatan yang ditawarkan oleh jabatan/agensi-agensi berikut:-

- (i) Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA)
  - (ii) Jabatan Imigresen Malaysia (JIM)
  - (iii) Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)
  - (iv) Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)
  - (v) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)
  - (vi) Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN)
  - (vii) Polis Diraja Malaysia (PDRM)
  - (viii) Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
  - (ix) Tenaga Nasional Berhad (TNB)
  - (x) Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga & Masyarakat (KPWKM)
  - (xi) Jabatan Penerangan Malaysia (PMR)
  - (xii) JobsMalaysia
  - (xiii) Kementerian Pembangunan Usahawan dan Kooperasi (Malaysia) (MECD)
- (b) UTC KOMTAR akan beroperasi pada hari Sabtu dan Ahad mulai jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang.